

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HGM 435 Geografi Perindustrian

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Bincangkan bagaimana perubahan struktur industri dunia berperanan di dalam pembahagian buruh antarabangsa. Sokong jawapan anda dengan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

2. Dengan berdasarkan kepada perubahan struktur ekonomi di negara-negara membangun,

- (a) Apakah aspek-aspek yang menjadi kayu-ukur untuk menentukan sesebuah negara itu negara perindustrian.

(15 markah)

- (b) Berdasarkan kepada contoh-contoh tertentu, manakah negara-negara membangun yang dianggap sebagai sudah mencapai tahap negara perindustrian dan mengapa.

(10 markah)

3. (a) Pelaburan terus asing adalah unsur penting pemindahan teknologi di negara-negara membangun. Sejauhmanakah penyataan ini benar?

(12.5 markah)

- (b) Apakah elemen-elemen pemindahan teknologi yang wajar diterima oleh negara-negara membangun?

(12.5 markah)

4. Dengan berpandukan kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan bagaimana struktur dan operasi industri menggambarkan tingkahlaku syarikat-syarikat berskala besar.

(25 markah)

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. (a) Dengan merujuk kepada contoh industri yang tertentu, bincangkan peranan Firma Skala Sederhana dan Kecil (SMFS) di negara maju.

(12 markah)

- (b) Apakah perubahan yang dialami oleh mereka selepas 1985?

(13 markah)

6. (a) Dengan merujuk kepada satu [1] contoh Struktur Wilayah Baru, bincangkan bagaimana ia wujud.

(10 markah)

- (b) Telitikan sumbangannya kepada struktur perdagangan dan pembangunan ekonomi.

(15 markah)

7. Bincangkan perbezaan di antara Sistem Fordist dengan Sistem Post-Fordist serta ciri-ciri masyarakat industri sistem masing-masing. Sokong hujah-hujah anda dengan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

8. (a) Telitikan hubungan antara perkhidmatan dan rantai pengeluaran perkilangan.

(10 markah)

- (b) Bincangkan peranan perkhidmatan kewangan dengan pengglobalan perkhidmatan ini.

(15 markah)